



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 3 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>NANCY SHUKRI: WOMEN'S ANTI-CRIME SQUAD TO BE AT FOREFRONT OF CHILD ABUSE RESPONSE</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/02/nancy-shukri-womens-anti-crime-squad-to-be-at-forefront-of-child-abuse-response/99860">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/02/nancy-shukri-womens-anti-crime-squad-to-be-at-forefront-of-child-abuse-response/99860</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://selangorkini.my/2023/11/skuad-wanita-antijenayah-bantu-tangani-kes-dera-kanak-kanak/">https://selangorkini.my/2023/11/skuad-wanita-antijenayah-bantu-tangani-kes-dera-kanak-kanak/</a>	SELANGORKINI.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2023/11/waja-insaniah-squad-addresses-child-abuse-cases/">https://selangorjournal.my/2023/11/waja-insaniah-squad-addresses-child-abuse-cases/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/02/waja-insaniah-squad-addresses-child-abuse-cases-says-minister">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/02/waja-insaniah-squad-addresses-child-abuse-cases-says-minister</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/469910">https://www.themalaysianinsight.com/s/469910</a>	THEMALAYSIAINSIGHT.COM
	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/469895">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/469895</a>	THEMALAYSIAINSIGHT.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2240862">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2240862</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632665/berita/nasional/skuad-waja-insaniah-bantu-tangani-kes-dera-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/632665/berita/nasional/skuad-waja-insaniah-bantu-tangani-kes-dera-kanak-kanak</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>MINISTRY VOWS ASSISTANCE AND EDUCATION FOR TWO-YEAR-OLD WITH HYPERTRICHOSIS</b>	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-vows-assistance-and-education-for-two-year-old-with-hypertrichosis/">https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-vows-assistance-and-education-for-two-year-old-with-hypertrichosis/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://dayakdaily.com/every-child-deserves-education-protection-healthcare-women-minister-calls-for-comprehensive-assistance-for-toddler-with-werewolf-syndrome/">https://dayakdaily.com/every-child-deserves-education-protection-healthcare-women-minister-calls-for-comprehensive-assistance-for-toddler-with-werewolf-syndrome/</a>	DAYAKDAILY.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JKM TURUN PADANG PERIKSA TASKA, TADIKA	
	<a href="https://www.melakahariini.my/jkm-turun-padang-periksa-taska-tadika/">https://www.melakahariini.my/jkm-turun-padang-periksa-taska-tadika/</a>	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	A NOBLE MISSION IN EARLY EDUCATION	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/a-noble-mission-in-early-education/">https://www.newsarawaktribune.com.my/a-noble-mission-in-early-education/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	1,365 KIDS NEGLECTED AND NEED AID	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/02/1365-kids-neglected-and-need-aid">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/02/1365-kids-neglected-and-need-aid</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BAYI LELAKI KRITIKAL, JKM BERTINDAK SITA TASKA	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632724/berita/semasa/bayi-lelaki-kritikal-jkm-bertindak-sita-taska">https://www.sinarharian.com.my/article/632724/berita/semasa/bayi-lelaki-kritikal-jkm-bertindak-sita-taska</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/bayi-12-bulan-alami-pendarahan-kepala-jkm-sita-taska/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/bayi-12-bulan-alami-pendarahan-kepala-jkm-sita-taska/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/02/bayi-12-bulan-kritikal-taska-tak-berdaftar-jkm-sita-premis/">https://malaysiagazette.com/2023/11/02/bayi-12-bulan-kritikal-taska-tak-berdaftar-jkm-sita-premis/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-kritikal-jkm-bertindak-sita-taska-444453">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-kritikal-jkm-bertindak-sita-taska-444453</a>	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PERSIAPAN RAPI JKM SARAWAK HADAPI MUSIM MONSUN TIMUR LAUT</b>	
	<a href="https://sarawaknews.com/persiapan-rapi-jkm-sarawak-hadapi-musim-monsun-timur-laut/">https://sarawaknews.com/persiapan-rapi-jkm-sarawak-hadapi-musim-monsun-timur-laut/</a>	SARAWAKNEWS.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>RIBUT: IBU BERPANTANG, EMPAT ANAK BERPELUKAN DALAM RUMAH</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ribut-ibu-berpantang-empat-anak-berpelukan-dalam-rumah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ribut-ibu-berpantang-empat-anak-berpelukan-dalam-rumah/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>110 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN YBR SAMBUNG PENGAJIAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172194/110-pelajar-terima-sumbangan-ybr-sambung-pengajian">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172194/110-pelajar-terima-sumbangan-ybr-sambung-pengajian</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/02/110-mahasiswa-asnaf-b40-terima-bantuan-ybr/">https://malaysiagazette.com/2023/11/02/110-mahasiswa-asnaf-b40-terima-bantuan-ybr/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>RM4.2 JUTA PERUNTUKAN PEMBANGUNAN WANITA DI SABAH</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/rm42-juta-peruntukan-pembangunan-wanita-di-sabah">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/rm42-juta-peruntukan-pembangunan-wanita-di-sabah</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.sabahbarunews.com/?p=32715">https://www.sabahbarunews.com/?p=32715</a>	SABAHBARUNEWS.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>BANTU PERSIAPKAN MISSCLYEN KE ALAM PERSEKOLAHAN</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/bantu-persiapkan-missclyen-ke-alam-persekolahan/">https://suarasarawak.my/bantu-persiapkan-missclyen-ke-alam-persekolahan/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>KERAJAAN SEDIA RM3.9 JUTA HADAPI MTL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026186/kerajaan-sedia-rm39-juta-hadapi-mtl">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026186/kerajaan-sedia-rm39-juta-hadapi-mtl</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>TIGA BERANAK DERA WANITA OKU KE PENJARA</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172201/tiga-beranak-dera-wanita-oku-ke-penjara">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172201/tiga-beranak-dera-wanita-oku-ke-penjara</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026170/tiga-beranak-dipenjara-kerana-cederakan-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026170/tiga-beranak-dipenjara-kerana-cederakan-oku</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/tiga-beranak-cederakan-oku-kena-penjara/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/tiga-beranak-cederakan-oku-kena-penjara/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>WARGA INDONESIA DIDAKWA CEDERAKAN KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/02/warga-indonesia-didakwa-cederakan-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/2023/11/02/warga-indonesia-didakwa-cederakan-kanak-kanak/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>PENIAGA, SUAMI DIREMAN 7 HARI BANTU KES BUNUH WANITA WARGA EMAS</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172181/peniaga-suami-direman-7-hari-bantu-kes-bunuh-wanita-warga-emas">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172181/peniaga-suami-direman-7-hari-bantu-kes-bunuh-wanita-warga-emas</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1026149/suami-isteri-direman-kes-bunuh-peniaga-wanita">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1026149/suami-isteri-direman-kes-bunuh-peniaga-wanita</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632646/berita/semasa/suami-isteri-direman-bantu-siasatan-kes-langgar-tikam-warga-emas">https://www.sinarharian.com.my/article/632646/berita/semasa/suami-isteri-direman-bantu-siasatan-kes-langgar-tikam-warga-emas</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=fgy9cD2LOF4">https://www.youtube.com/watch?v=fgy9cD2LOF4</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=0q1eNh1XWfI">https://www.youtube.com/watch?v=0q1eNh1XWfI</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=sDjL6dV31Y8">https://www.youtube.com/watch?v=sDjL6dV31Y8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/02/suami-isteri-direman-seminggu-bantu-siasatan-kes-bunuh-wanita-warga-emas/">https://malaysiagazette.com/2023/11/02/suami-isteri-direman-seminggu-bantu-siasatan-kes-bunuh-wanita-warga-emas/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240793">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240793</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-direman-seminggu-bantu-siasatan-kes-langgar-tikam-warga-emas-444376">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-direman-seminggu-bantu-siasatan-kes-langgar-tikam-warga-emas-444376</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/02/tikam-mati-warga-emas-suami-isteri-direman-bantu-siasatan/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/02/tikam-mati-warga-emas-suami-isteri-direman-bantu-siasatan/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>JENAZAH WARGA EMAS DIBUNUH SELAMAT DIKEBUMI</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenazah-warga-emas-dibunuh-selamat-dikebumi-444336">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenazah-warga-emas-dibunuh-selamat-dikebumi-444336</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632635/edisi/terengganu/jenazah-warga-emas-dibunuh-selamat-dikebumi">https://www.sinarharian.com.my/article/632635/edisi/terengganu/jenazah-warga-emas-dibunuh-selamat-dikebumi</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>BAYI 58 HARI MAUT KERANA JANGKITAN PARU-PARU</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632631/berita/semasa/bayi-58-hari-maut-kerana-jangkitan-paru-paru">https://www.sinarharian.com.my/article/632631/berita/semasa/bayi-58-hari-maut-kerana-jangkitan-paru-paru</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-58-hari-maut-kerana-jangkitan-paruparu-444347">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-58-hari-maut-kerana-jangkitan-paruparu-444347</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172130/bayi-maut-akibat-jangkitan-paru-paru-bukan-tersebak-susu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172130/bayi-maut-akibat-jangkitan-paru-paru-bukan-tersebak-susu</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026126/kematian-mengejut-bayi-disebabkan-jangkitan-paru-paru-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026126/kematian-mengejut-bayi-disebabkan-jangkitan-paru-paru-polis</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-maut-di-melaka-bukan-sebab-tersebak-susu-polis/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-maut-di-melaka-bukan-sebab-tersebak-susu-polis/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>MAKANAN TIDAK BERKHASIAH PUNCA 29.7% KANAK-KANAK BANTUT</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/makanan-tidak-berkhasiat-punca-29-7-kanak-kanak-bantut/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/makanan-tidak-berkhasiat-punca-29-7-kanak-kanak-bantut/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>JANGAN MALU AMBIL KAD OKU UNTUK ANAK AUTISME</b>	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/02/jangan-malu-ambil-kad-oku-untuk-anak-autisme/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/02/jangan-malu-ambil-kad-oku-untuk-anak-autisme/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>ADA REMAJA AMBIL DADAH SEAWAL USIA 9 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ada-remaja-ambil-dadah-seawal-usia-9-tahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ada-remaja-ambil-dadah-seawal-usia-9-tahun/</a>	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	<b>ALLAN SUMBANG KERUSI RODA KEPADA PASANGAN WARGA EMAS DI RH MARGARET UGAK</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/allan-sumbang-kerusi-roda-kepada-pasangan-warga-emas-di-rh-margaret-ugak">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/allan-sumbang-kerusi-roda-kepada-pasangan-warga-emas-di-rh-margaret-ugak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	<b>KES JENAYAH SEKSUAL MENINGKAT, ROGOL PALING TINGGI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172205/kes-jenayah-seksual-meningkat-rogol-paling-tinggi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172205/kes-jenayah-seksual-meningkat-rogol-paling-tinggi</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/jenayah-seksual-meningkat-kes-rogol-tertinggi-dosm/">https://www.buletintv3.my/nasional/jenayah-seksual-meningkat-kes-rogol-tertinggi-dosm/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/jenayah-seksual-siber-meningkat-berbanding-2021/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/jenayah-seksual-siber-meningkat-berbanding-2021/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/02/kes-rogol-naik-9-6-pada-2022-menurut-statistik/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/02/kes-rogol-naik-9-6-pada-2022-menurut-statistik/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026335/kes-jenayah-dadah-meningkat-306-peratus-tahun-lalu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026335/kes-jenayah-dadah-meningkat-306-peratus-tahun-lalu</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	<b>PINDAAN PERATURAN KESIHATAN ANTARABANGSA 2005 BELUM MUKTAMAD</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172395/pindaan-peraturan-kesihatan-antarabangsa-2005-belum-muktamad">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172395/pindaan-peraturan-kesihatan-antarabangsa-2005-belum-muktamad</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	<b>32 PERATUS DARIPADA 70,000 PESAKIT HIV TIDAK JALANI RAWATAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/32-peratus-daripada-70000-pesakit-hiv-tidak-jalani-rawatan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/32-peratus-daripada-70000-pesakit-hiv-tidak-jalani-rawatan/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	<b>SKUAD HOKI WANITA NEGARA BENAM THAILAND</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/hoki/2023/11/1026425/skuad-hoki-wanita-negara-benam-thailand">https://www.hmetro.com.my/arena/hoki/2023/11/1026425/skuad-hoki-wanita-negara-benam-thailand</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/11/1172476/skuad-hoki-wanita-raih-kemenangan-pertama">https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/11/1172476/skuad-hoki-wanita-raih-kemenangan-pertama</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/sukan/2023/11/skuad-hoki-wanita-tumpaskan-thailand-2-0/">https://www.utusan.com.my/sukan/2023/11/skuad-hoki-wanita-tumpaskan-thailand-2-0/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	<b>WANITA IKUT SUAMI DALAM TRELER MAUT KEMALANGAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172447/wanita-ikut-suami-dalam-treler-maut-kemalangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172447/wanita-ikut-suami-dalam-treler-maut-kemalangan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632706/berita/semasa/wanita-maut-nahas-bas-lima-lori">https://www.sinarharian.com.my/article/632706/berita/semasa/wanita-maut-nahas-bas-lima-lori</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-maut-treler-dipandu-suami-terlibat-kemalangan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-maut-treler-dipandu-suami-terlibat-kemalangan/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/nahas-5-lori-dan-sebuah-bas-seorang-wanita-maut-3-cedera/">https://www.buletintv3.my/nasional/nahas-5-lori-dan-sebuah-bas-seorang-wanita-maut-3-cedera/</a>	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
27	<b>WANITA SELAMBA ISI BEKAS ANGGUR SAMPAI PENUH, PADAT</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/wanita-selamba-isi-bekas-anggur-sampai-penuh-padat/">https://www.kosmo.com.my/2023/11/02/wanita-selamba-isi-bekas-anggur-sampai-penuh-padat/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	<b>IMPIAN KANAK-KANAK PESAKIT KANSER TAHAP AKHIR, NAIK HELIKOPTER TERCAPAI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/11/1172359/impian-kanak-kanak-pesakit-kanser-tahap-akhir-naik-helikopter">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/11/1172359/impian-kanak-kanak-pesakit-kanser-tahap-akhir-naik-helikopter</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240902">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240902</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
29	<b>WARGA INDONESIA DIDAKWA CEDERAKAN REMAJA PEREMPUAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632697/berita/semasa/warga-indonesia-didakwa-cederakan-remaja-perempuan">https://www.sinarharian.com.my/article/632697/berita/semasa/warga-indonesia-didakwa-cederakan-remaja-perempuan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	<b>PARTI WARISAN SANTUNI 25 OKU DI ZON LIHAK-LIHAK SEMPORNA</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/parti-warisan-santuni-25-oku-di-zon-lihak-lihak-semporna">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/parti-warisan-santuni-25-oku-di-zon-lihak-lihak-semporna</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

3/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
31	JENAZAH DUA KANAK-KANAK LEMAS SELAMAT DIKEBUMIKAN	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/jenazah-dua-kanak-kanak-lemas-selamat-dikebumikan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/jenazah-dua-kanak-kanak-lemas-selamat-dikebumikan/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
32	WARGA EMAS ANTARA TIGA INDIVIDU TERSELAMAT DALAM KEBAKARAN RUMAH	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/warga-emas-antara-tiga-individu-terselamat-dalam-kebakaran-rumah">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/warga-emas-antara-tiga-individu-terselamat-dalam-kebakaran-rumah</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
33	PEKERJA DIDAKWA CABUL KANAK-KANAK KETIKA AJAK TEMAN AMBIL DAUN PANDAN	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026207/pekerja-didakwa-cabul-kanak-kanak-ketika-ajak-teman-ambil-daun-pandan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026207/pekerja-didakwa-cabul-kanak-kanak-ketika-ajak-teman-ambil-daun-pandan</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
34	JADI TUKANG JAHIT DEMI PENDIDIKAN TIGA ANAKNYA	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/jadi-tukang-jahit-demi-pendidikan-tiga-anaknya">https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/02/jadi-tukang-jahit-demi-pendidikan-tiga-anaknya</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
35	PEKERJA PEMUNGUT SAMPAH DIDAKWA ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK PEREMPUAN	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/pekerja-pemungut-sampah-didakwa-rogol-amang-seksual-anak-perempuan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/pekerja-pemungut-sampah-didakwa-rogol-amang-seksual-anak-perempuan/</a>	UTUSAN.COM.MY



TAJUK :	KES JENAYAH SEKSUAL MENINGKAT, ROGOL TERTINGGI		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	03 NOV 2023	M/SURAT :	26
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Kes jenayah seksual meningkat, rogol tertinggi

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bilangan kes jenayah seksual meningkat 2.9 peratus dengan 3,303 kes pada 2022 berbanding 3,209 kes pada 2021.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kes rogol mencatatkan peratus peningkatan tertinggi, iaitu 9.6 peratus pada 2022.

"Bagaimanapun, kes seks luar tabii, gangguan seksual dan cabul kehormatan masing-masing menunjukkan penurunan 10.4 peratus, 5.7 peratus dan 0.5 peratus, katanya dalam kenyataan mengenai Statistik Jenayah Malaysia 2023.

Mohd Uzir berkata, jenayah indeks dan jenayah komersial, masing-masing menurun 4.1 peratus dan 3.0 peratus kepada 50,813 kes dan 30,536 pada 2022.

Namun katanya, jenayah siber meningkat 44.3 peratus kepada 577 kes daripada 400 kes dalam tempoh sama.

"Jenayah indeks merangkumi jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

"Kedua-dua jenayah ini masing-masing menunjukkan penurunan 10.0 peratus dan 2.4 peratus kepada 10,348 kes dan 40,465 kes pada 2022," katanya.

Tambahnya, semua jenis kesalahan di bawah jenayah komersial pada 2022 dilaporkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menurun kecuali kesalahan berkaitan wang palsu dan jenayah siber.

"Kesalahan tipu merekodkan bilangan tertinggi, iaitu 27,247 kes (89.2 peratus) diikuti pecah amanah (911 kes; 3.0 peratus) dan kesalahan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (832 kes; 2.7 peratus)," katanya.

Bagi kes berkaitan rasuah, Mohd Uzir berkata, bilangan kertas siasatan yang dibuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan penurunan 1.0 peratus kepada 820 kes (2022) daripada 828 kes (2021).

Katanya, kertas siasatan bagi semua jenis kesalahan pada 2022 merekodkan penurunan kecuali kesalahan tuntutan palsu dan memberi rasuah masing-masing meningkat 41.1 peratus dan 17.9 peratus.

"Bilangan tangkapan dibuat SPRM meningkat 6.8 peratus pada 2022 dengan 909 tangkapan berbanding 851 (2021). Bilangan tangkapan bagi kesalahan tuntutan palsu pada 2022 naik 66.9 peratus.

"Tangkapan bagi memberi rasuah, menerima rasuah dan salah guna kedudukan mencatatkan penurunan dalam tempoh sama," katanya.

### Kes berkaitan dadah

Sementara itu, katanya, bagi kes berkaitan dadah meliputi membekal dadah, memiliki dadah dan positif ujian urin menun-

jukkan peningkatan sebanyak 30.6 peratus kepada 141,289 kes pada 2022.

"Kesalahan membekal dadah naik sebanyak 35.1 peratus dan positif ujian urin meningkat 31.2 peratus berbanding 2021.

"Bilangan tangkapan berkaitan kes dadah pula meningkat 26.3 peratus kepada 163,697 tangkapan pada 2022 seperti dilaporkan PDRM," katanya.

Mohd Uzir berkata, bilangan saman trafik dikeluarkan PDRM pada 2022 meningkat 15.3 peratus kepada 5.3 juta saman berbanding 2021 (4.6 juta saman).

Saman POL 170A meningkat 8.3 peratus kepada 3.2 juta saman dan POL 257 meningkat 28.3 peratus kepada 2.1 juta saman.

"Bagi jenayah maritim, bilangan tangkapan tertinggi yang dilaporkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 2022 adalah kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (604 kes) dengan peningkatan 5.0 pe-

ratus berbanding 575 kes (2021).

"Ini diikuti kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dengan 203 kes (2022) berbanding 198 kes (2021) dan Akta Imigresen 1959/63 dengan 199 kes (2022) berbanding 137 kes (2021)," katanya.

Dari segi fasiliti pemulihan, Mohd Uzir berkata, bilangan orang diparol berdasar rekod Jabatan Penjara (JPM) pada 2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus kepada 7,613 orang berbanding 7,218 (2021).


Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 96.9 peratus adalah lelaki, manakala 3.1 peratus adalah perempuan.

"Bilangan kemasukan banduan sabitan meningkat 24.5 peratus pada 2022 (104,061 penghuni) berbanding 2021 (83,592 penghuni).

"Selangor merekodkan bilangan kemasukan banduan sabitan tertinggi iaitu 27,765 penghuni diikuti Kedah (8,980 penghuni), Johor (8,635 penghuni) dan Sabah (8,412 penghuni)," katanya.



Mohd Uzir Mahidin



TAJUK : PEKERJA PUSAT JAGAAN ANAK YATIM DIDAKWA CEDERAKAN REMAJA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Pekerja pusat jagaan anak yatim didakwa cederakan remaja

**Kuala Lumpur:** Seorang pekerja penyelenggara elektrik pusat jagaan anak yatim didakwa di Mahkamah Majistret, Ampang, semalam, atas pertuduhan mencederakan remaja perempuan berusia 15 tahun.

Bagaimanapun, tertuduh yang juga warga Indonesia, Zainal Abidin, 27, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dikemukakan di hadapan Majistret Amalina Basirah Md Top.

Mengikut pertuduhan, Zainal didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada remaja perempuan itu di sebuah pusat jagaan, di sini jam 4 petang, 22 Oktober lalu.

Seksyen terbabit memperuntukkan hukuman penjara hingga setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Norhidayah Abdullah Sani, membantah wang jaminan diberikan kepada tertuduh atas alasan boleh mengganggu saksi pendakwaan yang tinggal di pusat jagaan itu.

"Mangsa tidak tinggal di rumah itu tetapi kita bimbang tertuduh yang bekerja di pusat jagaan itu akan mengganggu saksi pendakwaan lain.

"Tiada wang jaminan ditawarkan, namun jika mahkamah menggunakan budi bicara untuk memberikan jaminan, perlu dikenakan syarat tambahan melaporkan diri di balai polis berdekatan dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Peguam bela tertuduh, Wan Nur Afifah Che Bakar, memohon ikat jamin atas alasan anak guam tidak tinggal di pusat jagaan, sebaliknya hanya bekerja di premis itu.

"Mohon jaminan paling minimum dan munasabah kerana tertuduh menanggung isteri tidak bekerja serta dua anak berusia sembilan bulan dan lima tahun," katanya.

Majistret kemudian membenarkan jaminan RM4,000 terhadap tertuduh dengan dua penjamin serta syarat tambahan dicadangkan pendakwaan.


Sementara itu, Zainal mengaku tidak bersalah bagi satu lagi pertuduhan di Mahkamah Majistret berasingan, kerana tinggal di negara ini melebihi tempoh sah.

Mengikut pertuduhan, lelaki terbabit didakwa tinggal di Malaysia melebihi tempoh sah iaitu selama lima bulan 26 hari dari tarikh tamat tempoh masuk negara pada 1 Mei hingga tarikh tangkap pada 26 Oktober lalu.



Zainal didakwa di Mahkamah Sesyen Ampang.

(Foto Fathil Asci/BH)



TAJUK : PENIAGA DAN SUAMI DIREMAN 7 HARI KES BUNUH WARGA EMAS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Peniaga wanita dan suaminya di bawa ke Mahkamah Majistret Marang, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

# Peniaga dan suami direman 7 hari kes bunuh warga emas

Polis sahan mayat wanita dijumpai dengan 15 kesan tikaman

Oleh Zatul Iffah Zolkipli dan Rosli Ilham  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Marang:** Peniaga wanita dan suaminya berusia 37 tahun yang bekerja sebagai mekanik direman tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes bunuh seorang wanita warga emas di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang, kelmarin.

Perintah reman terhadap suspek wanita berusia 35 tahun dan suaminya itu dikeluarkan Majistret Zur Azureen Zainalkefli.

Perintah reman terhadap suspek wanita berusia 35 tahun dan suaminya itu dikeluarkan Majistret Zur Azureen Zainalkefli.

Ia bagi membolehkan siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dijalankan.

Terdahulu, dua suspek yang berpakaian lokap tiba di pekarangan Mahkamah Majistret Marang kira-kira jam 10 pagi.

Media kelmarin melaporkan seorang peniaga wanita ditemukan mati dengan 15 kesan tikaman di bahagian badan di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang.

Mayat mangsa berusia 65 tahun ditemui pengawal keselamatan di dalam longkang di kawasan berkenaan pada jam 4.35 pagi.

## Jenazah dikebumi awal pagi

Sementara itu, jenazah wanita yang meninggal dunia selepas dipercayai dibunuh rakan perniagaannya di Hulu Terengganu awal pagi kelmarin, selamat dikebumi-

kan di kampung halamannya di Kerteh, dekat sini, tengah malam kelmarin.


Jenazah mangsa selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pengkalan Kenangan, Kampung Baru Kerteh, jam 12.15 tengah malam.

Terdahulu, jenazah mangsa selesai menjalani proses bedah siasat di Unit Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu, kira-kira jam 8 malam.

Jenazah mangsa kemudian dibawa untuk dimandi dan dikafankan di Pusat Pengurusan Jenazah Pasir Panji, Hulu Terengganu, sebelum dibawa ke Kerteh, jam 10 malam.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan kemudian mengesahkan mayat wanita itu ditemui dengan 15 kesan tikaman.

Beliau berkata, suspek ditahan di rumahnya di Wakaf Tapai, Marang, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.



TAJUK : TIGA BERANAK MENGAKU SALAH DERA WANITA OKU

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 24

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Tiga beranak mengaku salah dera wanita OKU

**Tampin:** Mahkamah Majistret Gemas semalam menjatuhkan hukuman penjara terhadap tiga beranak kerana menyebabkan kecederaan seorang wanita orang kurang upaya (OKU) berusia 21 tahun.

Tertuduh Siti Fatimah Abdullah, 56; Muhammad Taufiq John Abdullah, 24, dan Muhammmaddeni Iskandar Abdullah, 26, dari FELDA Bukit Rokan, di sini mengaku salah sebaik pertuduhan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca di hadapan Majistret Kartini Kasran.

Mengikut pertuduhan Muhammmaddeni Iskandar yang juga teman lelaki wanita OKU itu didapati dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap wanita itu dengan menggunakan besi playar, bara puntung rokok dan minyak petrol yang jika digunakan sebagai senjata mungkin menyebabkan kecederaan ke atas wanita itu.

Bagi pertuduhan itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 36 bulan dari tarikh ditangkap dan dua sebatan.

Ibu kepada Muhammmaddeni

Iskandar, Siti Fatimah pula dituduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap wanita OKU itu dengan menggunakan besi spanar pembuka tayar.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dari tarikh ditangkap dan denda RM5,000 dan sekiranya gagal membayar denda itu boleh dipenjarakan selama 15 bulan.

Adik kepada Muhammmaddeni Iskandar, Muhammad Taufiq, pula dituduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap wanita itu dengan mengguna-

kan batang penyapu.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 24 bulan dari tarikh tangkap dan denda RM4,000 dan sekiranya gagal membayar denda boleh dipenjarakan 12 bulan.

Kesemua perbuatan itu dilakukan ketiga-tiga tertuduh di sebuah rumah di FELDA Bukit Rokan di antara Jun hingga 23 Oktober lalu.

Mengikut fakta kes, wanita itu mengikut teman lelakinya ke rumah di FELDA Bukit Rokan berikutan masalah keluarga dihadapi

wanita berkenaan.

Wanita itu tinggal selama lima bulan di rumah teman lelakinya dan sepanjang tempoh itu, teman lelaki bersama ibu dan adik lelaki mendera wanita itu seperti menampar dan menumbuk muka dan perut, selain menyepak kepala, memijak perut, mencucuh bara rokok pada tangan, leher dan belakang badan juga kaki kanan disumbat petrol dan dibakar.

Wanita itu juga turut didera menggunakan besi playar pada lengan tangan kiri.



TAJUK : 'MAMA...KAKI BABY TERCABUT'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



NORAINI bersama anaknya, Anis Ayra.



KEADAAN anggota Anis Ayra yang tiada pergelangan kaki kanan dan kaki kiri yang hanya mempunyai tiga jari.



Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

# 'Mama...kaki *baby* tercabut'

## Anis Ayra dilahir tanpa tapak kaki kanan manakala jari kaki kiri tak sempurna

Batu Caves

"Mama...kaki *baby* tercabut..." itu ungkapan sayu Anis Ayra Hasnul Hakim, 3, apabila menunjukkan keadaan kaki kanannya yang tiada tapak kaki manakala kaki kiri pula hanya ada tiga jari kepada ibunya.

Anis Ayra yang mesra disapa *baby*, orang kurang upaya (OKU) fizikal dilahirkan tanpa tapak kaki kanan manakala jari kaki kirinya tidak sempurna selain jari telunjuk tangan kiri juga pendek dan tidak boleh dibengkokkan.

Ibunya, Noraini Muhammad, 37, berkata, Anis Ayra mempunyai sisi positif yang kuat apabila tidak pernah berasa rendah diri dengan keadaan dirinya biarpun sebelum ini menangis kerana jarinya tidak boleh membengkok seperti rakan seusia lain.

"Anis Ayra anak yang mudah mesra dan memahami keadaan diri yang tidak sempurna seperti kakak dan abangnya, tetapi dia tidak sedih berlebihan. Cuma dia suka cakap kaki



ANIS Ayra ditemani ibu, Noraini dan bapanya, Hasnul Hakim di rumah mereka di Kampung Sungai Kertas, Batu Caves. - Gambar NSTP/SADIQ SANI

kanan dia 'tercabut' dan mendengar itu memang buat saya sebak.

"Saya cakap dengan dia yang kakinya ada, tetapi di syurga dan menunggunya di sana. Mendengar itu membuatkan Anis Ayra seronok dan saya tahu anak saya boleh menerima keadaan diri biarpun dia pernah bersedih kerana kekurangannya," katanya.

Noraini yang tinggal di Kampung Sungai Kertas di sini berkata, Anis Ayra perlu menjalani rawatan rehabilitasi sejak berusia setahun untuk mengalakkannya memakai kaki palsu ketika berjalan, tetapi anaknya juga boleh berjalan tanpa kaki palsu.

"Kalau pakai kaki palsu,

dia nampak seperti normal saja...tetapi dia juga boleh berjalan dan berlari tanpa kaki (palsu) itu, cuma tidak sempurna seperti kita.

"Namun Anis Ayra tidak berasa rendah diri dan tetap kuat semangat," katanya yang mahu semangat itu terus kental sehingga anaknya meningkat dewasa.

Pembantu tadbir itu berkata, dia mengambil cuti tanpa gaji selama lima tahun selepas Anis Ayra dilahirkan

kerana mengakui tidak mudah untuk melepaskan anak itu di bawah jagaan orang lain ketika masih bayi.


Menurutnya, tempoh lima tahun adalah penting untuk membina keyakinan diri kanak-kanak itu apatah Anis Ayra adalah perempuan, selain mereka perlu melakukan rawatan susulan untuk anak bongsu daripada tiga beradik itu.

"Keputusan saya turut disokong suami (Hasnul Hakim Othman, 39) dan buat masa sekarang, saya mengambil tempahan jahit baju kanak-kanak untuk membantu suami yang juga anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Kami hidup sederhana saja biarpun dahulu tidaklah mewah tetapi perubahan kali ini, memang ketara kerana suami saja bekerja, tetapi demi Anis Ayra kami tidak kisah," katanya yang menjual pakaian dihasilkannya di TikTok @ainimuhamad86.

"Anis Ayra anak yang mudah mesra dan memahami keadaan diri yang tidak sempurna"  
Noraini





TAJUK : 'TIAP-TIAP HARI DIA TANYA...'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA Unit Udara JBPM bersama kanak-kanak pesakit kanser, Muhamad Yazeed Hafy (depan, dua dari kanan); Nurul Umairah (depan, dua dari kiri) dan Muhamad Firas Haziq (depan, kiri) di Pangkalan Udara Wilayah Utara JBPM Bertam, Kepala Batas. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

**Kepala Batas**

Senyuman tidak lekang di wajah Nurul Umairah Abdul Rahman yang berada di kerusi roda ketika dibawa melihat helikopter dan menyaksikan demonstrasi serta teknik menyelamat dipersembahkan anggota Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Nurul Umairah yang berusia sembilan tahun menghidap barah otak tahap akhir dan tiada lagi rawatan serta ubatan yang boleh diambil bagi mengubati penyakit dihidapinya sejak September 2020.

Anak sulung daripada dua beradik itu berkata, dia bangun seawal jam 5 pagi untuk bersiap dan bertolak dari rumahnya di Pendang, Kedah ke Pangkalan Udara Wilayah Utara JBPM di Bertam di sini, dengan ditemani ibu bapa serta adik bongsunya.

"Seronok sangat dapat naik lori (jentera) bomba dan dapat tengok helikopter. Pagi tadi bangun awal sebab nak datang sini," katanya kepada media.

Selain Nurul Umairah, dua lagi iaitu Muhamad Firas Haziq Samsol, 9, yang menghidap barah tulang dan pesakit leukemia, Muhamad Yazeed Hafy Mohamad Yamin, 15, turut teruja apabila berpeluang merasai pengalaman sama.

Ibu Nurul Umairah, Noor

# 'Tiap-tiap hari dia tanya...'

**Unit Udara JBPM realisasi impian 3 pesakit barah lihat demonstrasi, teknik menyelamat**



MUHAMAD Firas Haziq (kanan) dan Muhamad Yazeed Hafy (kiri) dibantu anggota bomba merasai pengalaman berada dalam helikopter.

Shahirah Mohd Fuzi berkata, keluarganya bersyukur dan gembira kerana kanak-kanak berkenaan diberi kesempatan untuk memenuhi impian mereka.

"Apabila saya maklumkan Nurul Umairah berkaitan program ini, setiap hari dia akan bertanya bila dia boleh datang.

"Sepanjang berada di sini, Nurul Umairah sentiasa tersenyum malah saya bersyukur kerana impiannya kini tercapai.

"Kami berterima kasih kepada Persatuan Sahabat

Kanak-Kanak Kanser Wilayah Utara (Foccan) dan Unit Udara JBPM yang melaksanakan impian anak saya serta pesakit lain," katanya.

Presiden Foccan Maznah Tayib berkata, pihaknya akan sentiasa memberi sokongan emosi kepada keluarga yang mempunyai anak-anak yang menghidap barah untuk mereka menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin.

"Saya terharu dengan kerjasama daripada Unit Udara JBPM hari ini, kerana mereka cukup bersema-

ngat untuk menunaikan impian tiga pesakit ini yang mana dua daripada mereka adalah pesakit yang disahkan oleh doktor jangka hayat mereka tidak lama.


"Ini adalah kenangan terindah kepada kanak-kanak dan keluarga ini," katanya.

Sementara itu, Penguasa Kanan Bomba II, Pangkalan Udara Wilayah Utara Muhammad Fisol Rosli berkata, pihaknya mengambil kesempatan untuk menunjukkan kepada pesakit berkaitan tugas Unit Udara JBPM yang melakukan kerja-kerja penyelamatan selain memberi pendedahan menaiki jentera bomba.

"Kita bawa mereka mendekati helikopter digunakan dan kita dapat lihat keterujaan mereka.

"Pada masa sama, kita juga pameran demonstrasi bagaimana kami menjalankan operasi menyelamat.

"Mereka juga dibawa 'meronda' dengan menaiki jentera bomba," katanya.



TAJUK : 111 KELUARGA BERLINDUNG DI PPS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Hilir Perak meninjau kawasan rumah penduduk yang terjejas akibat banjir ketika tinjauan di Batu 9, Jalan Changkat Jong, Teluk Intan, Perak.

## BANJIR DI PERAK DAN KEDAH

# 111 keluarga berlindung di PPS

**Ipoh**

Jumlah mangsa banjir di Perak meningkat kepada 386 orang daripada 111 keluarga setakat jam 8 pagi semalam berbanding 373 orang daripada 107 keluarga, malam kelmarin.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Nege-

ri (JPBN) Perak dalam kenyataan memaklumkan mangsa ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Kerian dan Hilir Perak.

Menurut sekretariat itu, di Kerian, 100 orang daripada 24 keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat

Lobak dan 57 daripada 19 keluarga berlindung di PPS SK Alor Pongsu.

"Di Hilir Perak, PPS Dewan Serbaguna Padang Tembak menempatkan 185 penduduk manakala 44 orang berada di PPS Dewan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI)," menurut kenyataan itu.


Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan paras Sungai Bidor di Changkat Jong menurun, namun masih pada paras bahaya apabila merekodkan ketinggian 3.97 meter berbanding paras normal iaitu dua meter.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak turut memaklumkan

Jalan Kubu Gajah Ijok-Sumpitan di Selama masih ditutup kepada semua kenderaan akibat tanah runtuh dan orang ramai boleh menggunakan laluan alternatif di Jalan Pintasan Kampung Sumpitan-Kampung Masjid.

Selain itu, laluan F 193 Jalan Proton City di daerah

Mualim juga terhalang di kedua-dua arah dan ditutup kepada kenderaan akibat tanah runtuh, manakala di Kerian laluan FT 147 Jalan Selama hanya dibuka kepada kenderaan berat dan orang ramai diarahkan menggunakan jalan alternatif di A111 Jalan Pintasan Alor Pongsu-Bukit Merah.



TAJUK : MANGSA ADA JANGKITAN PARU-PARU

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK M

## BAYI DITEMUI MAUT DI RUMAH

# Mangsa ada jangkitan paru-paru

**Melaka:** Laporan bedah siasat ke atas bayi perempuan berusia sebulan 28 hari yang mati di rumahnya, kelmarin mendapati kematiannya disebabkan jangkitan pada paru-paru.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, laporan itu dikeluarkan Jabatan Perubatan Forensik dan Bilik Mayat Hospital Melaka selepas

proses bedah siasat yang mengambil masa lima jam.

Menurutnya, ujian calitan Covid-19 dibuat ke atas mayat bayi sebelum bedah siasat dan keputusannya negatif.

“Bedah siasat dijalankan bermula jam 11.45 pagi dan doktor pakar patologi mendapati punca kematian bayi berkenaan adalah disebabkan oleh jang-

kitan pada paru-paru.

“Mayat si mati diserahkan kepada ibunya untuk urusan pengebumian,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, media melaporkan bayi itu ditemui tidak sedarkan diri oleh ibunya di atas tilam selepas diberi minum susu di rumah mereka di Taman Melaka Raya di sini, kelmarin.



TAJUK : NAFI CEDERAKAN REMAJA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## PEKERJA PENYELENGGARA ELEKTRIK TAK MENGAKU SALAH

# Nafi cederakan remaja

Oleh Suraya Roslan  
[surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-<br/>ma.com.my)

### Ampang

Seorang pekerja penyelenggara elektrik sebuah pusat jagaan anak yatim didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas tuduhan mencederakan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun, bulan lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang juga warga Indonesia, Zainal Abidin, 27, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikedudukan di hadapan Majistret Amalina Basirah Md Top.

Mengikut pertuduhan, bapa dua anak itu didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada mangsa di sebuah pusat jagaan di Lembah Jaya Selatan, di sini, pada jam 4 petang, 22 Oktober lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara maksimum setahun atau boleh

denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Norhidayah Abdullah Sani membantah wang jaminan diberikan kepada tertuduh atas alasan di-khuatiri mengganggu saksi pendakwaan yang tinggal di pusat jagaan itu.

"Mangsa tidak tinggal di rumah itu, tetapi pendakwaan bimbang tertuduh yang bekerja di pusat jagaan itu akan mengganggu saksi pendakwaan yang lain.

"Oleh itu, tiada wang jaminan ditawarkan. Sekiranya mahkamah ini menggunakan budi bicara untuk memberikan jaminan, syarat tambahan perlu dikenakan iaitu melapor diri di balai polis berhampiran dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Peguam yang mewakili tertuduh, Wan Nur Afifah Che Bakar memohon wang jaminan diberikan kepada

tertuduh atas alasan dia hanya bekerja di pusat jagaan itu dan tidak tinggal di situ.

"Mohon jaminan paling minimum dan munasabah diberikan kerana tertuduh menanggung isteri yang tidak bekerja dan dua anak berusia sembilan bulan dan lima tahun.

"Tertuduh juga mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan berdaftar di bawah program rekalibrasi (tenaga kerja)," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Amalina Basirah kemudian membenarkan jaminan RM4,000 dengan dua penjamin tempatan dan syarat seperti diminta pihak pendakwaan.

"Tertuduh juga tidak dibenarkan mendekati saksi pendakwaan sehingga kes selesai," katanya.

Sementara itu, di mahkamah majistret berasingan, Zainal turut menga-

ku tidak bersalah atas pertuduhan tinggal di negara ini melebihi tempoh sah selama lebih lima bulan dari tarikh tamat tempoh masuk ke Malaysia pada 1 Mei lalu.

Kesalahan itu dilakukan di lokasi sama, pada 5.05 petang, 26 Oktober lalu dan pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 Pindaan 2002 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(4) akta sama.

Majistret Normaizan Rahim membenarkan jaminan sebanyak RM8,000 selain turut mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di balai polis berdekatan pada setiap 2 haribulan.

**Mahkamah menetapkan 9 Januari depan bagi sebutan semula kedua-dua kes.**

Sebelum ini, media melaporkan, dua lelaki yang bekerja di sebuah pusat jagaan anak yatim ditahan selepas terbabit dalam kejadian mendera terhadap dua remaja perempuan.

**"Tertuduh tidak dibenarkan dekati saksi pendakwaan hingga kes selesai"**  
Amalina



ZAINAL didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada mangsa di sebuah pusat jagaan, 22 Oktober lalu.



TAJUK : PEKERJA KEDAI MAKAN DIDAKWA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## CABUL ANAK JIRAN AJAK AMBIL DAUN PANDAN

### *Pekerja kedai makan didakwa*

**Muar:** Seorang pekerja kedai makan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencabul kanak-kanak perempuan ketika mengajaknya mengambil daun pandan di sebuah rumah di Kluang, bulan lalu.

Tertuduh, Mohamad Hussein Roslan, 23, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang masih bujang didakwa melakukan perbuatan itu terhadap kanak-kanak berusia 11 tahun dekat sebuah rumah di Kluang, 20 Oktober lalu.

Kejadian berlaku antara jam 7.30 malam hingga jam 8 malam dan dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebatan.

Berdasarkan fakta keja-

dian, tertuduh yang juga jiran mangsa dilaporkan bertandang ke rumahnya untuk mengambil daun pandan.

Pada masa masa, tertuduh turut mengajak mangsa menemaninya sebelum mengambil kesempatan melakukan perbuatan itu.

Mangsa yang ketakutan kemudian melarikan diri sebelum memaklumkan kejadian kepada ahli keluarganya sebelum laporan polis dibuat di Balai Polis Kluang.


Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh diwakili peguam, G Subramanian Nair dan S Selvantheran.

Mahkamah mengenakan ikat jamin RM8,000 terhadap tertuduh dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga perlu melapor diri di Balai Polis Kluang setiap bulan dan tidak boleh mengganggu, berhubung atau berkomunikasi dengan mangsa atau keluarganya.



MOHAMAD Hussein dibawa keluar dari mahkamah.



TAJUK : PERNIAGA, SUAMI DIREMAN 7 HARI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SUSPEK tiba di mahkamah semalam.

## BUNUH WARGA EMAS

### Peniaga, suami direman 7 hari

**Marang:** Peniaga dan suaminya direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes bunuh seorang wanita warga emas di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang, kelmarin.

Perintah reman ke atas wanita berusia 35 dan suaminya yang berusia 37 tahun itu dikeluarkan Majistret Zur Azureen Zainalkefli bagi membolehkan siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dijalankan.

Terdahulu, dua suspek yang berpakaian lokap tiba di pekarangan Mahkamah Majistret Marang kira-kira jam 10 pagi.

Media kelmarin melaporkan seorang peniaga wanita ditemukan mati dengan 15 kesan tikaman di bahagian badan di tepi jalan besar berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, Kuala Berang.

Mayat berusia 65 tahun ditemui pengawal keselamatan di dalam longkang di kawasan berkenaan pada jam 4.35 pagi.

Terdahulu, jenazah mangsa selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pengkalan Ke-




SUSPEK kedua.

nangan, Kampung Baru Kerteh, jam 12.15 tengah malam kelmarin.

Terdahulu, jenazah yang selesai menjalani proses bedah siasat di Unit Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu, kira-kira 8 malam.

Jenazah mangsa kemudiannya dibawa untuk dimandi dan dikafankan di Pusat Pengurusan Jenazah Pasir Panji, Hulu Terengganu, sebelum dibawa ke Kerteh, kira-kira 10 malam.

Suasana pilu dan sedih menyelubungi waris dan kenalan mangsa yang hadir ketika jenazah mangsa tiba di Masjid Tengku Mizan Zainal Abidin, Kerteh, sebelum dibawa ke tanah perkuburan untuk dikebumikan.



TAJUK : TIGA BERANAK DERA OKU DIHUKUM PENJARA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Gemas:** Tiga beranak dijatuhi hukuman penjara antara 12 hingga 36 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, kerana mencederakan wanita orang kurang upaya (OKU).

Hukuman diputuskan Majistret Kartini Kasran selepas tiga tertuduh, Siti Fatimah Abdullah, 56, dan dua anaknya, Muhammad Taufiq John Abdullah, 24, serta Muhamadden Iskandar, 26, mengaku bersalah

## Tiga beranak dera OKU dihukum penjara

terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Muhamadden Iskandar yang juga teman lelaki mangsa berusia 21 tahun dihukum penjara 36 bulan dan dua sebatan kerana sengaja menyebabkan kecederaan ke atas wanita itu menggunakan besi playar, bara

puntung rokok dan petrol.

Siti Fatimah dihukum penjara 12 bulan dan denda RM5,000 atas tuduhan menggunakan spanar pembuka tayar untuk mencederakan wanita itu.

Manakala Muhammad Taufiq pula yang didakwa menggunakan batang penyapu untuk mencederakan mangsa dihukum


penjara 24 bulan dan denda RM4,000.

Tiga beranak itu didakwa melakukan perbuatan berkenaan antara Jun hingga 23 Oktober lalu di sebuah rumah di Felda Bukit Rokan.

Mahkamah memerintahkan hukuman berjalan bermula dari tarikh mereka ditahan.

Mengikut fakta kes, wanita itu tinggal di rumah berkenaan selama lima bulan kerana menghadapi masalah keluarga dan sepanjang tempoh itu, dia mendakwa didera teman lelaikinya dan ibu serta adik lelaki.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Amirul Noor Hashimi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : COUPLE REMANDED FOR ONE WEEK OVER SENIOR CITIZEN'S MURDER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



The suspect is brought by police to the court for the remand application hearing. — Bernama photo

## Couple remanded for one week over senior citizen's murder

**MARANG:** A married couple was remanded for a week from yesterday to Nov 8 in connection with Wednesday's murder of a woman in Kuala Berang, near Hulu Terengganu.


The remand order was issued by Magistrate Nur Azureen Zainalkefli at the Magistrates' Court to enable the investigation under Section 302 of the Penal Code.

The 65-year-old victim was found dead with 15 stab wounds in a drain by the main road in front of the Hulu Terengganu Religious Office in Kuala Berang at 4.35am.

Terengganu police chief Datuk Mazli Mazlan said the victim, a government pensioner, was in a Honda Jazz car with the female suspect and it is believed they got into a dispute over profit sharing of a business.

The 35-year-old suspect is said to have run over the victim after she alighted from the car, and allegedly stabbed her 15 times with a meat cleaver, he said.

Police detained the suspect at her house in Wakaf Tapai on the same day, and also picked up her mechanic husband, 37, who is the owner of the Honda Jazz, to assist in the investigation. — Bernama



TAJUK :	ELDERLY COUPLE IN KANOWIT RECEIVE WHEELCHAIRS FROM MACHAN REP		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	03 NOV 2023	M/SURAT :	10
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Elderly couple in Kanowit receive wheelchairs from Machan rep

**KANOWIT:** An elderly couple at Rumah Margaret Ugak in Sungai Lutut here recently received a personal contribution of two wheelchairs from Machan assemblyman Allan Siden Gramong.

Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Kanowit Women Exco led by Belala Empawie and Florence Injan presented the contributions to Mikeng

Rakim, 76, and his wife, Inlent Lucas, 77.

Mikeng is suffering from paralysis due to stroke, while Inlent is unable to walk following a surgery on both knees.

Also present were Kanowit District Council member Counsellor Graji Layau and Tuai Rumah Margaret Ugak.



Mikeng (seated right) and Inlent (seated centre) in a group photo with PBB Kanowit members.



TAJUK :	HOPE PLACE DELIVERS AID IN SUPPORT OF SINGLE MUM		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	03 NOV 2023	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Hope Place delivers aid in support of single mum

**KUCHING:** Hope Place's food aid programme to support the lower income group has benefitted a single mother of three from Muara Tuang, Kota Samarahan here.

Jothi Yakut, 46, earns a living as a self-employed seamstress and is the family's sole breadwinner.

While having to keep up with bills, rent and other household expenses, Jothi is a resilient mother who is determined to take good care of her children, said Hope Place in a statement. Her eldest child, 20, is currently studying a marine course under a scholarship in Kuala Lumpur.

Her second child, 18, achieved 5As in his Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and was offered a scholarship to study engineering at Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Campus in Kota Samarahan.

"I'm so proud and blessed with my children's achievements and I will try my best to give them the best," said Jothi in the statement,

while sharing her struggles in meeting the needs of her children and of the financial hardship caused by the rising cost of living.

Jothi owns an electrical sewing machine which she bought after years of saving, and earns a non-fixed income from her small home-based tailoring business. She is experienced in making clothes like Baju Kebaya, children's apparels and even cushion covers and curtains.


To support this humanitarian initiative, Hope Place or Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (PKHK) can be reached on 082-505987.

Opening hours are from 8am to 5pm from Monday to Friday, and 8am to noon on Saturdays. All donations are welcome and receipts will be given upon request.

The public can donate directly to Hope Place's bank account (MBB: 511289001160) or via its S Pay Global QR code on its Facebook page.



Jothi (right) receives the assistance from a Hope Place representative.



TAJUK : MAN GETS 9 YEARS, CANING FOR SLASHING UNCLE, SLAPPING MUM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Man gets 9 years, caning for slashing uncle, slapping mum

Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING:** The Sessions Court here yesterday sentenced a 27-year-old man to a total of nine years in prison and three strokes of the rotan for slashing his uncle on the head with a machete and slapping his mother.

Judge Afidah Abdul Rahman convicted Mohammad Sahnizam Musa on his own guilty plea to two charges read to him by a court interpreter.

The charges were framed under Section 326 and Section 323 of the Penal Code, read together with Section 326A of the same Code.

On the first charge under Section 326 of the Penal Code, Afidah sentenced Mohammad Sahnizam to eight years in prison and three strokes of the rotan, while on the second charge under Section 323 of the same Code, he was jailed for one year.

Afidah ordered for the jail sentences to run concurrently from the day of his arrest on Aug 26.

According to the facts of the



Mohammad Sahnizam (centre) is escorted by policemen from the courtroom following sentencing.

case, Mohammad Sahnizam attacked his 43-year-old uncle with a machete and caused injuries to the back of the latter's head and face in Kampung Tabuan Hilir around 3.30am on


Aug 26.

He then slapped his 63-year-old mother, who tried to stop the attack.

A police report led to Mohammad Sahnizam's arrest

on the same day.

Deputy Public Prosecutor Iezzah Iburdanisha Ibrahim prosecuted the case, while Mohammad Sahnizam was unrepresented by legal counsel.



TAJUK : WAJA INSANIAH SQUAD ADDRESSES CHILD ABUSE CASES - NANCY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Waja Insaniah Squad addresses child abuse cases — Nancy

**KUALA LUMPUR:** The rise in child abuse cases since 2020 has led to the expansion of the Women's Anti-Crime Squad (Skuad Waja) role as Child Protection Assistants to address the growing issue.

According to Minister of Women, Family, and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri, selected members of the Skuad Waja will be officially recognised as Skuad Waja Insaniah members.

"They will act as first responders to assist protection officers in safeguarding and protecting abused and neglected children, including victims of sexual abuse.

"The increase in child abuse cases is very concerning because most of them involve perpetrators who have close relationships with the victims, such as parents, guardians, grandparents, mother's boyfriend, step-parents, and so on," she said in her speech at the 2023 Skuad Waja Insaniah Commissioning ceremony here yesterday.

Nancy said the Social Welfare Department (JKM) reported an increase in cases from 5,858 in 2020 to 6,144 in 2021 to 6,770 in 2022.

Between January and May this year, JKM handled 2,959 cases involving abuse and neglect in terms of physical, sexual, and emotional, she added.

Since its establishment on March 8, 2021, Squad Waja has a membership of 328,558 as of December last year.


"For the Waja Insaniah Squad, some 330 participants have been involved in the training programme conducted from May to July last year.

"They were trained through a combination of the Waja Squad 2.0 Module and Child Protection Assistant Training by JKM," said Nancy.

At a press conference later, she said Waja Insaniah Squad members were trained to respond effectively to the cases they receive, ensuring they are well-prepared.

"We provided training to ensure their readiness; we want them to handle complaints without becoming emotional. They will receive regular training to match procedures with each case. Despite similar situations, abuse cases can differ in approach.

"Later, more Waja Insaniah Squad members will be certified," she added. — Bernama



TAJUK : **WOMEN'S ANTI-CRIME SQUAD ENHANCED**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **THE SUN DAILY**

TARIKH : **03 NOV 2023**

M/SURAT : **02**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## Women's anti-crime squad enhanced

**KUALA LUMPUR:** A rise in child abuse cases since 2020 has led to the expansion of the Women's Anti-Crime Squad to include "Child Protection Assistants" to address the issue, said Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said selected the squad would now be officially recognised as *Skwad Waja Insaniah*, adding that its members would act as first responders to assist protection officers in safeguarding and protecting abused and neglected children, including victims of sexual abuse.

"The Social Welfare Department reported an increase in cases from 5,858 in 2020 to 6,144 in 2021 and 6,770

in 2022. Between January and May this year, the department handled 2,959 cases involving physical, sexual and emotional abuse and neglect.

"The increase in child abuse cases is very concerning because most of them involve perpetrators who have close relationships with the victims, such as parents, guardians, grandparents, mother's boyfriend, step-parents and so on," she said in her speech at a *Skwad Waja Insaniah* commissioning ceremony yesterday.


Since its establishment on March 8, 2021, the Women's Anti-Crime Squad, which empowers the community through psychosocial guidance programmes, including addressing issues of violence

against women, had a membership of 328,558 as of December last year.

"For the *Skwad Waja Insaniah*, about 330 participants were involved in the training programme conducted from May to July last year."

She said *Skwad Waja Insaniah* members were trained to respond effectively to the cases they receive, ensuring they are well-prepared.

"We have provided training to ensure their readiness. We want them to handle complaints without becoming emotional. They will receive regular training to match procedures with each case. Despite similar situations, abuse cases can differ in approach. Later, more *Skwad Waja Insaniah* members will be certified." - Bernama



TAJUK : 12 CEDERA, PACUAN EMPAT RODA TERBABAS MASUK PARIT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## 12 cedera, pacuan empat roda terbabas masuk parit

**TENOM:** Seramai 12 individu termasuk empat kanak-kanak mengalami kecederaan selepas kereta pacuan empat roda yang dinaiki terbabit dalam kemalangan di Jalan Kemabong di sini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata kejadian berlaku kira-kira jam 6 petang kelmarin.

“Kemalangan membabitkan sebuah kenderaan pacuan empat roda yang dipercayai hilang kawalan sebelum terbabas lalu terbalik ke dalam parit.

“Kejadian membabitkan 12 mangsa keseluruhan ter-

masuk lapan dewasa dan empat kanak-kanak mengalami kecederaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua mangsa bagaimanapun dihantar ke hospital menaiki ambulans dan kereta orang awam bagi mendapatkan rawatan selanjutnya.

“Pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tenom yang tiba di lokasi sejauh 23 kilometer itu hanya memastikan tiada unsur bahaya lain di lokasi kejadian.

“Operasi keseluruhan kemudian ditamatkan pada jam 6.35 petang,” katanya.



TAJUK : IBU TUNGGAL GIGIH MENJAHIT DEMI PENDIDIKAN ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Ibu tunggal gigih menjahit demi pendidikan anak

Hanya mencari nafkah sebagai tukang jahit terlatih, Jothi bersyukur dua anaknya cemerlang dalam pendidikan

**KUCHING:** Seorang ibu tunggal tiga anak, Jothi Yakut tekad untuk terus berusaha bersungguh-sungguh bagi memberikan yang terbaik kepada anak-anaknya.

Hanya mencari nafkah sebagai tukang jahit terlatih, Jothi, 46, tetap bersyukur kerana dua daripada anaknya telah menunjukkan kecemerlangan dalam pendidikan mereka.

Anak sulungnya yang berusia 20 tahun kini belajar dalam bidang marin di bawah satu biasiswa di Kuala Lumpur.

Sementara anak keduanya yang berusia 18 tahun pula mendapat biasiswa selepas memperoleh keputusan 5A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lepas dan kini mengikuti pengajian kejuruteraan di UiTM di sini manakala anak bongsunya yang berusia sembilan tahun masih bersekolah rendah.

"Saya sangat bangga dan bersyukur melihat pencapaian anak-anak saya.

"Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk memberikan mereka yang terbaik," katanya.

Jothi berkata demikian kepada Hope Place, pertubuhan bukan kerajaan yang menyampaikan bantuan makanan dan keperluan lain ketika



**RINGKANKAN BEBAN:** Jothi (kanan) menerima bantuan daripada Hope Place yang berkunjung ke rumahnya baru-baru ini.

berkunjung di kediamannya di sini baru-baru ini.

Jothi kini hanya mencari nafkah dengan menjadi tukang jahit yang bekerja sendiri dan terus berjuang menyara anak-anaknya yang bersekolah.

Namun dengan keadaan kini seperti kenaikan harga barang, Jothi memerlukan bantuan dan tidak menafikan

menjadi ibu tunggal bukan mudah.

Sehubungan itu Hope Place turut tampil membantu dari segi bantuan makanan dan keperluan asas.

Dengan pengalaman bertahun-tahun dalam membuat pakaian wanita, pakaian kanak-kanak, sarung kusyen dan langsir, Jothi ialah seorang tukang jahit terlatih,

“ Saya sangat bangga dan bersyukur melihat pencapaian anak-anak saya. ”

Jothi Yakut

khusus dalam fesyen wanita tradisional seperti baju kebaya.

Menurut Jothi, dia memiliki mesin jahit elektrik yang dibelinya selepas bertahun-tahun menyimpan sejumlah wang.


Kini menetap di bilik sewa di Bandar Riyal, Muara Tuang, Jothi berharap perniagaan kecilnya itu dapat meningkat.

Dia berpindah dari rumah saudaranya baru-baru ini kerana tidak mahu membebankan orang lain.

Untuk maklumat lanjut, Hope Place atau Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (PKHK) boleh dihubungi di talian 082-505987.

Waktu buka adalah dari jam 8 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat, sementara jam 8 pagi hingga 12 tengah hari pada hari Sabtu.

Semua sumbangan adalah dialu-alukan dan resit akan diberi atas permintaan.



TAJUK : **KEBAKARAN RUMAH, WARGA EMAS ANTARA TIGA INDIVIDU TERSELAMAT**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **UTUSAN BORNEO (SARAWAK)**

TARIKH : **03 NOV 2023**

M/SURAT : **02**

TONE : **NEUTRAL**

SEKTOR : **KPWKM**

# Kebakaran rumah, warga emas antara tiga individu terselamat

## Mangsa berjaya menyelamatkan diri sebelum api merebak: Bomba

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING:** Seorang warga emas antara tiga individu berjaya menyelamatkan diri setelah rumah yang didiami mereka musnah dalam kebakaran di Lorong 11A, Taman Malihah di sini, semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, ketiga-tiga mangsa berjaya menyelamatkan diri sebelum api merebak dan meranapkan rumah tersebut.

“Penghuni rumah iaitu wanita berumur 69 tahun dan dua remaja lelaki berusia 21 dan 14 tahun berjaya menyelamatkan diri dalam kejadian ini,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jurucakap itu menjelaskan, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada jam 11.10



**WASPADA:** Keadaan rumah di Lorong 11A, Taman Malihah yang musnah dalam kebakaran, semalam.

pagi.

Menurutnya, sebaik menerima laporan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Petra Jaya dan BBP Padungan bergegas ke lokasi.

“Setibanya di lokasi, didapati sebuah rumah teres

berstruktur kekal terbakar di bahagian dapur.

“Rumah berkeluasan 20 x 60 kaki itu bagaimana-pun musnah 90 peratus dan kejadian terbabit tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa,” ujarnya.

Katanya lagi, pihak bomba

“ Penghuni rumah iaitu wanita berumur 69 tahun dan dua remaja lelaki berusia 21 dan 14 tahun berjaya menyelamatkan diri dalam kejadian ini. ”

Jurucakap PGO JBPM Sarawak

melakukan operasi pemadaman menggunakan satu aliran 300 kaki dua nozel yang menggunakan sumber air dari jentera.

“Bantuan pihak SESCO juga diperlukan bagi memutuskan arus elektrik sekali gus melancarkan operasi pemadaman,” katanya.



TAJUK :	LELAKI MENGAKU CEDERAKAN DUA BERANAK DIPENJARA LAPAN BULAN		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	03 NOV 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Lelaki mengaku cederakan dua beranak dipenjara lapan bulan

**SIBU:** Seorang lelaki yang mengaku bersalah mendatangkan kecederaan terhadap dua beranak dengan bersenjatakan gunting, dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Frederick Bujang, 31, terdahulu dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Majistret Oon Kork Chern bagi setiap pertuduhan yang dibacakan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh yang berasal dari Sungai Arip, Selangau untuk menjalani hukuman penjara itu secara berasingan bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu 28 Oktober lepas.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Frederick dituduh dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada Mohamad Jefry, 47, dan anaknya Ogdega Otut, 25, dengan menggunakan gunting di rumah sewa mereka di Lorong Wong King Huo 1D pada 28 Oktober 2023, kira-kira jam 9.24 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua hukuman terbabit, jika

sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pihak polis telah menerima panggilan yang memaklumkan berlaku pergaduhan di sebuah rumah sewa di Lorong Wong King Huo 1D pada hari kejadian.

Bertindak atas laporan, pihak polis telah bergegas ke tempat kejadian dan menahan seorang lelaki iaitu tertuduh serta merampas sebilah gunting, sehelai baju berwarna hitam serta sehelai seluar panjang.


Laporan saksi memberitahu tertuduh dalam keadaan marah apabila ditanya oleh seorang penghuni sebelum dia masuk ke dalam bilik sewanya.

Selang beberapa minit kemudian, Ogdega bertemu dengan tertuduh di luar biliknya untuk berjabat tangan.

Namun tertuduh tiba-tiba bertindak menikam mangsa beberapa kali menggunakan gunting.

Terkejut dengan tindakan tertuduh itu, ayah mangsa cuba menghalang tetapi turut ditikam.

Akibat tikaman itu, Ogdega cedera di bahagian dada serta memerlukan bantuan pernafasan manakala ayahnya cedera di bahagian perut dan kiri leher.



TAJUK : LELAKI TETAK BAPA SAUDARA, TAMPAR IBU DIPENJARA LAPAN TAHUN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 03 NOV 2023

M/SURAT : 01&02

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Lelaki tetak bapa saudara, tampar ibu dipenjarakan lapan tahun

**KUCHING:** Padah menetak kepala bapa saudaranya dengan sebilah parang dan menampar muka ibu menggunakan tangan, seorang penganggur lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan dikenakan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Afidah Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Mohammad Sahnizam Musa, 27, selepas dia mengaku bersalah sebaik dua pertuduhan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

Afidah memerintahkan tertuduh dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan bagi pertuduhan pertama sementara bagi pertuduhan kedua, penjara setahun.

Belliau juga mengarahkan



**KE PENJARA:** Tertuduh (tengah) diiringi polis keluar dari kamar mahkamah selepas dijatuhkan hukuman, semalam.

kedua-dua hukuman penjara berjalan serentak mulai dari tarikh tertuduh ditangkap.

Bagi pertuduhan pertama mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama,

tertuduh didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan parah terhadap bapa saudaranya yang berusia 43 tahun dengan menggunakan sebilah parang.

[Lihat Muka 2](#)

## Lelaki tetak bapa saudara, tampar ibu dipenjarakan lapan tahun

### Dari Muka 1

Pertuduhan kedua menyangsikan tertuduh mencederakan ibunya berusia 63 tahun dengan menamparnya di bahagian muka dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun Keseksan.

Kedua-dua kesalahan tersebut didakwa dilakukannya pada 26 Ogos 2023, sekitar jam 3.30 pagi di kediaman mereka sekeluarga di Kampung Tabuan Hilir di sini.

Berdasarkan fakta kes, kakak tertuduh (pengadu) sedang tidur di bilik tingkat

atas rumah berkenaan sebelum dia dikejutkan dengan bunyi ketukan pintu.

Pengadu keluar dari bilik dan mendapati bapa saudaranya memberitahu tertuduh telah menetak bapa saudara pengadu yang lain (mangsa) menggunakan sebilah parang semasa mangsa sedang tidur di ruang tamu tingkat bawah rumah.

Melihatkan keadaan itu, pengadu bertindak memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di dalam rumah dan mendapati tertuduh memukul kepala mangsa menggunakan sebilah parang.

Akibat kejadian itu, mangsa

mengalami cedera parah iaitu luka di bahagian belakang kepala dan muka.

Semasa kejadian juga, ibu tertuduh cuba menghalang tertuduh daripada menetak mangsa, namun tertuduh menampar muka ibunya.

Susulan itu, pengadu yang kluatir akan keselamatan diri dan keluarga membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh pada hari sama. Punca kejadian tidak diketahui.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Izzah Iburdanisha Ibrahim sementara tertuduh tidak diwakili peguam.